

BAB LIMA: KESIMPULAN DAN PENUTUP

5.1 PENDAHULUAN

Kajian “Penentuan Waktu Isyak dan Subuh menggunakan Sky Quality Meter-Lens-USB: Kajian berdasarkan Carta Penerbangan MAS” ini amat penting kerana melalui kajian ini kita dapat membuktikan secara saintifik keadaan hilangnya mega merah dan terbitnya fajar şādiq. Kaedah menentukan waktu Isyak dan Subuh dalam kapal terbang ini juga dikaji dari sudut fiqh dan praktikal.

5.2 KESIMPULAN

Keperluan kepada ijtihad kontemporari adalah suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan pada hari ini. Memandangkan suasana dan persekitaran hidup sudah berubah, ijtihad bukan hanya untuk menjawab persoalan-persoalan baru yang sentiasa timbul tetapi juga untuk merujuk kembali hujah-hujah para fuqaha terdahulu apabila mereka berijtihad dalam melestarikannya dengan isu-isu semasa. Ijtihad juga tidak dibuat sewenang-wenangnya tanpa dibimbing oleh nas-nas al-Quran dan hadis.

Allah telah berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي
الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۖ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ
وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَلِكَ
خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Uli-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Surah al-Nisa’ (4): 59

Ijtihad juga menjadikan syariat Islam ini subur dan mampu untuk menghadapi permasalahan-permasalahan baru, seterusnya sesuai dipraktikkan pada setiap masa dan tempat. Begitu juga kita sebagai umat Islam hendaklah berasa bertanggungjawab untuk mencari penyelesaian bagi permasalahan yang timbul khususnya mengenai urusan ibadah. Sesungguhnya jika kita bersikap ikhlas untuk mengagungkan Islam, Allah pastinya akan memberi pertolongan dari setiap sudut.

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

“Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya.”

Surah al-Baqarah (2): 286

Dalam kajian ini, pengkaji cuba menggunakan kaedah saintifik untuk mengenal pasti waktu sebenar hilangnya mega merah dan terbitnya fajar sādiq, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis dan ayat al-Quran:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ: ثُمَّ جَاءَهُ الْعِشَاءُ فَقَالَ قُمْ فَصَلِّهِ فَصَلَّى حِينَ غَابِ الشَّمْسُ

“Kemudian Jibril datang lagi pada waktu Isyak, katanya: Bangun! Dirikanlah solat. Mereka dirikan solat Isyak ketika hilang syafaq (syafaq ahmar).”

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ
الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ...^ط

“...Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar...”

Surah al-Baqarah (2): 187

Penggunaan SQM-LU merupakan satu alternatif yang dilakukan oleh pengkaji supaya dapat menyelesaikan persoalan bagi mengetahui awal waktu Isyak dan Subuh dalam penerbangan. Dengan mengkaji kecerahan langit, ternyata seseorang dapat menentukan waktu bermulanya Subuh dan Isyak.

Sepanjang tempoh kajian, tidak banyak data yang dapat dikumpul disebabkan instrumen yang terhad. Dengan hanya satu set SQM-LU, pengkaji mendapati data yang dikumpul masih belum mencukupi kerana pengkaji menjalankan kajian terhadap beberapa lokasi penerbangan. Dalam tempoh lapan bulan, terdapat 13 set data sahaja yang berjaya dikumpul, dan hal ini menyukarkan pengkaji membuat kesimpulan menyeluruh kerana terdapat penerbangan yang hanya mengumpul satu data sahaja.

Namun begitu, penulis berharap agar hasil kajian yang sedikit ini dapat memberi sumbangan dalam usaha untuk mencari kaedah yang sesuai untuk mengetahui waktu solat dalam kapal terbang terutamanya bagi waktu Isyak dan Subuh.

Pengkaji telah membuat beberapa kesimpulan hasil daripada penganalisan data kajian iaitu:

- a) Alat pengukur kecerahan langit, SQM-LU dapat digunakan untuk menentukan waktu Isyak dan Subuh dengan tepat.
- b) Tempoh waktu Isyak dan Subuh bagi penerbangan Barat ke Timur adalah lebih singkat dari penerbangan Timur ke Barat.
- c) Penerbangan pada musim panas akan menempuh waktu Subuh lebih awal dari penerbangan ketika musim panas.

Perbezaan yang dicatatkan antara waktu Isyak dan Subuh kajian dan perisian *In-Flight Solat Time* yang digunakan oleh Malaysia Airlines disebabkan perisian ini menetapkan jarak zenit bagi waktu Isyak dan Subuh iaitu 108° . Sebaliknya, pengkaji menentukan awal waktu Isyak dan Subuh berdasarkan cerapan langit tanpa menetapkan nilai yang khusus.

Pengkaji mendapati amat sukar untuk membuat takwim atau jadual waktu solat dalam kapal terbang kerana dipengaruhi oleh beberapa faktor tertentu seperti kelajuan pesawat, ketinggian pesawat, dan arah penerbangan. Penggunaan SQM-LU merupakan salah satu alternatif untuk membandingkan waktu solat Isyak dan Subuh yang diperoleh daripada perisian *In-Flight Solat Time* dan waktu solat yang ditentukan daripada graf kecerahan langit.

5.3 SARANAN

Kajian seperti ini perlu diteruskan dengan memperbanyakkan pengumpulan data supaya hasil yang diperoleh lebih tepat dan selaras dengan kehendak objektif kajian. Selain itu, tempoh pengambilan data juga perlu dipanjangkan supaya set data merangkumi kesemua musim dalam setahun. Dengan itu, pengkaji akan mempunyai pilihan data yang terbaik sepanjang cerapan kajian.

Pengkaji juga mendapati kajian perlu lebih difokuskan iaitu dengan mengambil satu perjalanan sahaja bagi setiap arah penerbangan. Contohnya, jika ingin mengambil penerbangan yang mengala ke Barat, hanya penerbangan dari Kuala Lumpur sahaja yang perlu dikaji. Bagi penerbangan ke Timur pula, contoh penerbangan yang boleh dianalisis ialah dari London ke Kuala Lumpur. Data bagi kedua-dua penerbangan ini perlulah dikumpul sekerap mungkin selama setahun untuk melihat perubahan waktu bagi hilangnya mega merah dan terbitnya *fajar ṣādiq* sepanjang empat musim.

Pengkaji mengharapkan individu yang berminat untuk meneruskan kajian waktu solat dalam penerbangan supaya membuat penyelidikan mengenai kaedah penentuan bagi waktu Zuhur, Asar dan Maghrib dalam kapal terbang. Kajian ini perlu dilakukan lebih terperinci dengan data yang mencukupi dan diharapkan pengkaji pada masa akan datang berjaya membangunkan perisian waktu solat dalam penerbangan dan memberi kemudahan kepada musafir penerbangan untuk mengetahui waktu solat.

Selain daripada itu, data dan hasil kajian perlulah diberikan kepada institusi yang terlibat dalam penerbitan takwim solat seperti JAKIM dan jabatan-jabatan mufti negeri untuk dianalisis atau dijadikan panduan bagi kajian tertentu yang melibatkan penentuan solat. Akhir sekali, kelemahan dalam kajian ini hendaklah diteliti dengan baik supaya kesalahan yang wujud tidak lagi berulang bagi menjamin hasil kajian yang terbaik.